

27/02/1998

Dr Mahathir akan rasmi seminar Malaysia-EU

KUALA LUMPUR, Khamis - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijadual merasmikan seminar bersama Malaysia-Kesatuan Eropah bertajuk Eropah dan Dunia Islam, bermula 24 Mac ini.

Perdana Menteri akan menyampaikan ucapan pada seminar dua hari itu, yang dianjurkan oleh Institut Kefahaman Islam Malaysia (Ikim) dan Pusat Pengajian Islam Oxford.

Seminar itu bertujuan memberi lebih kefahaman kepada masyarakat Eropah mengenai peranan Islam dalam negara yang mempunyai pelbagai agama seperti Malaysia.

Ketua Pengarah Ikim, Datuk Ismail Ibrahim berkata, seminar itu diadakan berdasarkan cadangan beberapa duta dari negara Eropah yang kagum dengan tahap kefahaman dan keharmonian di kalangan penduduk di negara ini.

"Mereka beranggapan masyarakat Eropah yang lain perlu melihat sendiri bagaimana ajaran Islam dipraktikkan di negara ini," katanya.

Seminar itu turut dikendalikan perunding dari United Kingdom, Sepanyol dan Itali.

Kira-kira 25 peserta dari Eropah dan 25 dari Malaysia dijemput untuk menyertai seminar berkenaan manakala 400 peserta dijangka menghadiri majlis perasmian dan penutupnya.

Ismail berkata, masyarakat Eropah mendesak supaya seminar itu diadakan di negara ini berikutan kesan ucapan Perdana Menteri mengenai 'Islam - Agama yang disalahertikan', yang disampaikan di Pusat Oxford, pada 16 April 1996.

"Ini adalah masanya untuk masyarakat Eropah memahami bagaimana Malaysia menerapkan nilai Islam dalam pelbagai aspek kehidupan, termasuk politik, perniagaan, sistem kewangan, pendidikan dan kehidupan sosial," katanya.

(END)